

Azmin kemuka bantahan lisan

SINAR HARIAN

02/03/2018 MIS 019

Syor kedua persempadanan semula SPR babit 15 kawasan Dun

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor menyatakan bantahan terhadap syor kedua persempadanan semula oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melibatkan 15 kawasan Dun di negeri ini.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pada 14 Februari lalu, Kerajaan Selangor sudah mengemukakan bantahan secara bertulis kepada SPR me-

nerusi beberapa dokumen sokongan bagi mengukuhkan hujah terhadap penolakan cadangan tersebut.

"Hari ini (semalam) saya hadir kemukakan bantahan secara lisan pula kepada SPR berhubung perkara ini.

"Saya juga ingin ingatkan SPR bahawa bantahan pada hari ini dilakukan tanpa prejudis terhadap cabaran Kerajaan Selangor di mahkamah," katanya kepada pemberita selepas hadir ke Pendengaran Persempadanan Pilihan Raya oleh SPR yang berlangsung di Hotel Concorde, semalam.

Dalam pada itu, Mohamed Azmin berkata, perlembagaan persekutuan menegaskan bahawa perhatian perlu diberikan terhadap sebarang kesulitan yang mungkin timbul dengan per-

ubahan ini serta berdasarkan pemeliharaan tempatan.

Malah, beliau berkata, persempadanan yang dicadangkan oleh SPR juga tidak boleh dilaksanakan berikutan ia akan mewujudkan bahagian pilihan raya yang terdiri daripada satu kaum sahaja.

"Sekiranya ini berlaku, ia merupakan perkembangan tidak sihat dan akan jejakkan keharmonian rakyat.

"Jika cadangan SPR ini memisahkan mana-mana komuniti, ia bercanggah dengan perlembagaan dan sebab itu kita minta pihak berkenaan lihat balik perkara ini," katanya.

Sehubungan itu, Mohamed Azmin yang juga merupakan Timbalan Presiden PKR turut meminta SPR supaya tidak kembali se-

info

● Bantahan melibatkan 15 kawasan Dun

mula kepada syor pertama cadangan persempadanan itu berikutan bantahan sebelum ini begitu kukuh.

Tambah beliau, pihaknya berharap agar SPR dapat bertindak profesional berikutan pihak berkenaan mempunyai tanggungjawab untuk menjamin proses pilihan raya yang adil.

"Saya tak mahu ada pengaruh politik yang mendesak SPR untuk kembali semula ke syor pertama," katanya.

Mohamed Azmin selepas hadir sesi Pendengaran Persempadanan Pilihan Raya oleh SPR, semalam.

